

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 20.5.2015

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa soalan-soalan berformat pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah diperkenalkan dalam SPM 2014 memandangkan ia sepatutnya diperkenalkan pada tahun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Anjakan pertama yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah untuk menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, elemen kemahiran berfikir, kritis dan kreatif (KBKK) memang telah lama diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran serta melalui penilaian murid. Sementara langkah menerapkan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) secara berperingkat dalam peperiksaan awam khususnya dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2014 dilihat sebagai usaha berterusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid di negara ini berupaya bersaing pada peringkat global tercapai iaitu

Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dwibahasa, Etika dan Kerohanian dan Identiti Nasional.

Ingin dijelaskan bahawa KBAT diterapkan dalam kurikulum dengan dituliskan secara eksplisit dalam Standard Pembelajaran semua mata pelajaran supaya guru berupaya mempraktikkan pelaksanaan KBAT dalam PdP. Selain itu, KBAT dalam kurikulum bertujuan untuk melahirkan murid yang mampu bersaing terutama dalam penilaian *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* dan *The Programme for International Student Assessment (PISA)* di peringkat antarabangsa. Kaedah pentaksiran pula akan diubah dan disesuaikan dengan kemahiran-kemahiran abad ke-21. Bilangan soalan KBAT bertambah secara berperingkat-peringkat bersesuaian dengan pengajaran di dalam pembelajaran agar pelajar dapat beransur-ansur menyesuaikan diri.